

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 8/1973**

=====

**CAGARAN TANAH YANG MEMPUNYAI SEKATAN HAK
KEPADA KERAJAAN, BADAN-BADAN BERKANUN
KERAJAAN, SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA
DAN BANK-BANK**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di mesyuaratnya pada 1hb November 1973 telah meluluskan perwakilan kuasa kepada pemungut-pemungut Hasil Tanah supaya meluluskan permohonan-permohonan yang mengandungi Sekatan Hak kepada Kerajaan, Badan-Badan Berkanun Kerajaan, Syarikat-Syarikat Kerjasama dan Bank-Bank.

2. Perhatian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik iaitu permohonan rasmi hendaklah dibuat oleh tuan tanah sebelum mendapatkan kebenaran bagi mencagarkan tanahnya untuk dipertimbangkan.
3. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah juga diingatkan bahawa perwakilan kuasa ini adalah tertentu untuk cagaran kepada Kerajaan, Badan-Badan Berkanun Kerajaan, Syarikat Kerjasama dan Bank-Bank.
4. Kelulusan ini dikuatkuasakan mulai tarikh keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan iaitu 1 hb November 1973.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL. 675 (72)

KUALA LUMPUR
18HB DISEMBER 1973

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.6/1976***